



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 20 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PUNCA HARGA BARANG BERBEZA DIKAJI, NASIONAL, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	HARGA KELAPA IMPORT NAIK SEHINGGA RM2.50 SEBIJI, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	490 HEKTAR TANAH DI BANGUNKAN TANAM KELAPA DI SETIU, NASIONAL, BH -20	
4.	RAKYAT DAH PENING!, LOKAL, HM -13	
5.	490 HEKTAR BANGUN PROJEK TANAMAN KELAPA DI SETIU, LOKAL, HM -13	
6.	BAKTERIA PADA SAMPEL KERANG TERDAMPAR MELEBIHI PIAWAIAN, KUALA TERENGGANU, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	E.COLI PADA KERANG TERDAMPAR DI PANTAI SURA MELEBIHI PIAWAIAN, NASIONAL, BH -18	
8.	SAH KERANG PANTAI SURA ADA BAKTERIA, NEGARA, KOSMO -12	
9.	50% TERUMBU KARANG NEGARA TERANCAM, MUKA DEPAN, HM -1	
10.	EKOSISTEM LAUTAN TERIMA KESAN BURUK, MUKA TENGAH, HM -24	
11.	BILA 'PUTIH' SEMUANYA TERANCAM, MUKA TENGAH, HM -25	
12.	FISH SUPPLY ADEQUATE TO MEET CHINESE NEW YEAR DEMAND, NATIONAL, THE SUN -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	HAKISAN: LKIM BANTU BAIK PULIH KEROSAKAN RUMAH NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -36	
14.	'TIGA TAHUN MAKAN, MINUM, TIDUR DENGAN LALAT', DALAM NEGERI, UM -14	LAIN-LAIN
15.	LIMA TAHUN KAMPUNG DISERANG JUTAAN LALAT, KUALA LANGAT, SH -26	
16.	KAMPUNG LADANG BATU DISERANG, NASIONAL, BH -21	
17.	HARI-HARI 'MAKAN' LALAT, MUKA DEPAN, HM -1	
18.	DAH TAK TAHAN GANGGUAN LALAT!, LOKAL, HM -9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Punca harga barang berbeza dikaji



Armizan (tengah) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kinarut Palm City di Kinarut pada Ahad.

UMS, Unimas bentang hasil dapatan kepada KPDN bulan ini

Oleh ASYIKIN ASMIN
PAPAR

Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Labuan yang dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada bulan ini.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kajian itu merupakan antara usaha penyelesaian yang dibuat bagi melihat faktor harga barang di Sabah dan Sarawak serta Labuan, berbeza dengan Semenanjung.

Menurutnya, ia selesai Disember lalu dan akan dibentangkan kepadanya dalam masa terdekat.

"Sebelum ini orang cakap-cakap harga itu, harga ini tetapi

kita tiada kajian ilmiah. Jadi selepas saya menjadi Menteri KPDN, saya lantik UMS untuk Sabah dan Unimas untuk Sarawak melakukan kajian.

"Saya berharap hasil kajian yang akan dibentangkan kepada saya akan dapat membantu dan mengetahui apakah sebenarnya punca, untuk kita menyelesaikan masalah ini dalam jangka panjang," katanya.

Beliau mengulas dakwaan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin bahawa harga ayam di Sabah mencecah RM16.50 untuk satu kilogram iaitu lebih mahal berbanding di Semenanjung.

Terdahulu Armizan menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kinarut Palm City di Kinarut di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Papar itu berkata, penyelesaian isu perbezaan harga itu bukan hanya melibatkan kementerian tetapi juga komitmen Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"KPDN memantau harga sekiranya ada kenaikan pencatutan, kita ambil tindakan. Kita juga me-

merlukan komitmen daripada KPKM kerana dari segi bekalan untuk memastikan cukup adalah kementerian tersebut.

"Kita juga mengharapkan isu tentang import dan eksport, kalau mahu import dari luar bekalan makanan tambahan itu bukan tanggungjawab KPDN, itu melibatkan Jabatan Veterinar, tetapi peranan kita untuk memantau.

"Apa yang disebutkan semalam (Sabtu) oleh timbalan menteri saya, kami tidak menafikan memang berlaku harga yang berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung," katanya.

Tambah beliau, perkara itu bukan baharu namun apa yang penting selain memantau adalah solusi jangka panjang dan ia perlu berdasarkan data daripada pakar yang mengkaji.

Sehubungan itu, Armizan tidak mahu memberikan komen berdasarkan kenyataan tidak berasas mengenai harga ayam yang dikatakan mencecah RM16.50.

"Kalau ada orang kata harga RM16 lebih, tolong dapatkan maklumat spesifik di mana, dan saya hantar penguat kuasa untuk membuat pemeriksaan," katanya.



Pengaliran tunai untuk membeli kelapa yang diimport dari Batu Pahat. (Foto: Ais, Abu Ratu PPH)

Harga kelapa import naik sehingga RM2.50 sebiji

Batu Pahat: Peniaga di sekitar sini berdepan kenaikan harga kelapa sehingga RM2.50 sebiji berbanding RM1.80 pada Disember.

Peniaga kelapa dan santan, Syafiq Azizi Saadon, 32, berkata bekalan diperoleh tidak memenuhi permintaan ini kerana pembekal berdepan kesukaran memenuhi permintaan.

"Sejak tiga bulan lalu, bekalan mula berkurangan kerana kebanyakannya kelapa yang diimport dari Indonesia dihantar ke negara jiran.

"Kenaikan harga tidak dapat dielakkan kerana pembekal memaklumkan ia untuk mengimbangi harga dijual di negara jiran. Jadi, kesannya turut dirasakan peniaga di sini," katanya

ketika ditemui.

Katanya kelapa import dijual secara timbang dengan sebiji kelapa dianggarkan seberat sekilogram.

Berbanding kelapa tempatan, ujarnya, ia dijual mengikut biji tetapi bekalananya kekurangan yang membuatkan peniaga terpaksa bergantung kepada kelapa import.

"Kami sebagai peniaga memerlukan sekurang-kurangnya dua tan kelapa untuk tempoh seminggu. Kami jangka, Ramadan nanti lagi banyak kelapa diperlukan kerana permintaan peniaga kecil-kecilan bertambah.

Seorang lagi peniaga, Aziz Mohd, 58, berkata beliau juga menghadapi masalah bekalan kelapa

dan ia akan menyukarkan mereka. Penjual kelapa parut itu berkata bekalan kelapa semakin tidak menentu dan ini menyukarkan peniaga untuk memenuhi permintaan.

"Bagi peniaga, harga juga memainkan peranan dan sejak akhir-akhirnya ini, ia naik mendadak. Kami selama ini bergantung kepada kelapa import berbanding tempatan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di Pelabuhan Batu Pahat mendapati kerja-kerja memunggah kelapa ke dalam lori giat dilakukan sebelum diagihkan kepada peniaga.

Terdapat kira-kira dua buah kapal membawa muatan dengan anggaran 200 hingga 300 tan kelapa.

490 hektar tanah dibangunkan tanam kelapa di Setiu

Kuala Terengganu: Kerajaan melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan membangunkan tanaman kelapa di atas tanah seluas kira-kira 490 hektar di daerah Setiu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim memaklumkan pembangunan ladang itu bertujuan bagi meningkatkan kadar tahap sara diri (SSR) kelapa di Terengganu.

Katanya, data daripada Jabatan Pertanian negeri menunjukkan kadar SSR bekalan kelapa sebanyak 74 peratus pada 2023, berbanding hanya 53 peratus pada 2019.

"Peningkatan kadar SSR bekalan kelapa adalah hasil kerja keras kerajaan selama lima tahun berdasarkan peranan dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019 hingga 2023.

"Kita masih bergantung kepada bekalan kelapa santan yang diimport, termasuk daripada Indonesia, tetapi pada masa sama kita sedang berusaha untuk mencukupkan keperluan SSR dengan sumber pengeluaran sendiri," katanya.

Media kelmarin melaporkan Golden Pharos Bhd (GPB), anak syarikat kerajaan negeri mengambil langkah proaktif menangani krisis kekurangan bekalan kelapa dengan mengimport bahan mentah itu dari Indonesia untuk pasaran di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif GPB, Mohd Roslan Mamat tlla-

Kita masih bergantung kepada bekalan kelapa santan yang diimport, termasuk daripada Indonesia, tetapi pada masa sama kita sedang berusaha untuk mencukupkan keperluan SSR dengan sumber pengeluaran sendiri



Azman Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu

porkan berkata, bekalan kelapa tua kira-kira 30,000 biji atau 30 tan diterima daripada pembekal utama itu, Selasa lalu.

Bekalan kelapa tua daripada Indonesia akan ditambah dari masa ke masa bagi memenuhi permintaan masyarakat terutama pada Ramadan dan musim perayaan.

Mengulas lanjut, Dr Azman berkata bekalan kelapa santan perlu bersaing dengan permintaan kelapa muda yang menawarkan harga lebih tinggi berbanding kelapa tua.

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Harga sebiji kelapa import di daerah ini meningkat sehingga RM2.50 seterusnya menyebabkan peniaga kelapa, santan selain pembeli 'pening'.

Bukan itu saja, bekalan kelapa import juga terhad dan ia menambah kerisauan peniaga yang bakal berdepan peningkatan permintaan sepanjang Ramadan ini.

Sebelum ini, peniaga memaklumkan harga bagi sebiji kelapa ialah RM1.80 sebiji sebelum ia meningkat kepada RM2.50 sebiji sejak akhir tahun lalu.

Peniaga, Syafiq Azizi Saadon, 32, berkata, ketika ini, bekalan diperoleh tidak menentu kerana pembekal berdepan kesukaran untuk memenuhi permintaan.

"Sejak tiga bulan lalu, bekalan mula berkurangan kerana kebanyakan kelapa yang diimport dari Indonesia dihantar ke negara jiran. Kenaikan harga tidak dapat dielakkan kerana pembekal memaklumkan, ia untuk mengimbangi harga dijual di negara jiran. Jadi, kesannya turut dirasakan peniaga di sini," katanya ditemui.

Katanya, kelapa import dijual secara timbang dengan sebiji kelapa dianggarkan seberat sekilogram.



KERJA memunggah kelapa daripada kapal di Pelabuhan Batu Pahat.

Berbanding kelapa tempatan, ujarnya, ia dijual mengikut biji, namun turut berdepan kekurangan bekalan yang membuatkan peniaga bergantung kepada import.

"Kami sebagai peniaga memerlukan sekurang-kurangnya dua tan kelapa untuk tempoh seminggu. Kami jangka, Ramadan nanti, lebih banyak kelapa diperlukan kerana permintaan peniaga kecil-kecilan," katanya.

Seorang lagi peniaga, Aziz Mohd, 58, juga senada dengan mendakwa, bekalan diperoleh terhad, sekali gus menyukarkan peniaga santan.

Penjual kelapa parut itu memberitahu, bekalan semakin tidak menentu dan ini menyukarkan peniaga untuk memenuhi permintaan.

HARGA SEBIJI KELAPA IMPORT NAIK HINGGA RM2.50

Rakyat dah pening!

di Pelabuhan Batu Pahat

"Bagi peniaga, harga juga memainkan peranan dan sejak akhir-akhir ini, ia naik mendadak. Selama ini kami bergantung kelapa import berbanding kelapa tempatan," katanya.

Sementara itu, tinjauan

mendapati, kerja-kerja memunggah kelapa ke dalam lori giat dilakukan sebelum diagihkan kepada peniaga.

Terdapat dua kapal dilihat membawa muatan kelapa antara 200 hingga 300 tan.

490 hektar bangun projek tanaman kelapa di Setiu

Kuala Terengganu: Kerajaan melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan membangunkan tanaman kelapa di atas tanah seluas kira-kira 490 hektar di daerah Setiu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim memaklumkan pembangunan ladang itu bertujuan bagi meningkatkan kadar tahap sara diri (SSR) kelapa di negeri ini.

Katanya, data Jabatan Pertanian negeri menunjukkan kadar SSR bekalan kelapa sebanyak 74 peratus pada tahun 2023, berbanding hanya 53 peratus pada 2019.

"Peningkatan ketara kadar SSR bekalan kelapa adalah hasil kerja keras kerajaan selama lima tahun berdasarkan perancangan dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023.

"Kita masih bergantung



Kita masih bergantung kepada bekalan kelapa santan yang diimport, termasuk daripada Indonesia, tetapi dalam masa yang sama kita sedang berusaha untuk mencukupkan keperluan SSR dengan sumber pengeluaran sendiri"

Dr Azman Ibrahim

kepada bekalan kelapa santan yang diimport, termasuk daripada Indonesia, tetapi dalam masa yang sama kita sedang berusaha untuk mencukupkan keperluan SSR dengan sumber pengeluaran sendiri," katanya.


Media sebelum ini melaporkan Golden Pharos Bhd (GPB), anak syarikat kerajaan negeri mengambil

langkah proaktif menangani krisis kekurangan bekalan kelapa dengan mengimport bahan mentah itu dari Indonesia untuk pasaran di negeri ini.

Mengulas lanjut, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi berkata, bekalan kelapa santan juga perlu bersaing dengan permintaan kelapa muda yang menawarkan harga lebih tinggi berbanding kelapa tua.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar melalui Facebooknya berkata, krisis kekurangan bekalan kelapa memberi kesan kepada banyak pihak termasuk peniaga yang menjadikan kelapa sebagai bahan asas kepada perniagaan mereka.

"Kerajaan negeri mengucapkan tahniah kepada GPB atas usaha proaktif dalam menangani krisis kekurangan bekalan kelapa dalam pasaran di negeri ini," katanya.



PEKERJA GPB menurunkan kelapa yang diimport dari Indonesia. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	SINAR HARIAN	KUALA TERENGGANU	27

Bakteria pada sampel kerang terdampar melebihi piawaian

KUALA TERENGGANU - Hasil analisis terhadap sampel kerang yang terdampar di Pantai Sura di Dungun menunjukkan tahap bakteria *Fecal coliform* dan *Escherichia coli* (E. coli) melebihi piawaian yang ditetapkan.

Menurut Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat, berdasarkan analisis Makmal Biosekuriti Perikanan Kuantan, Pahang, sampel kerang yang diambil pada Rabu lepas mengandungi *Fecal coliform* melebihi 300 *most probable number* (MPN)/100 gram (g) dan E. coli melebihi 230 MPN/100g.

"Kesimpulannya, keputusan analisis makmal terhadap kerang hanyut ke daratan pada tahun 2014, 2016, 2019, 2021 dan terkini (2025) menunjukkan tahap bakteria berkenaan dalam sampel kerang melebihi piawaian ditetapkan.

"Kerang dalam kategori ini di-klasifikasikan sebagai Kelas B dan C, di bawah piawaian Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan yang perlu dimasak sempurna sebelum dimakan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Sehubungan itu, Ruzaidi menasihati orang ramai supaya memastikan kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria.

Beliau berkata, pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Selain itu, Ruzaidi juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mempraktikkan langkah-langkah kebersihan semasa memproses makanan laut bagi memastikan keselamatan makanan terjamin. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Antara kerang yang terdampar dan dikutip penduduk di Pantai Sura, Dungun berikutan fenomena ombak besar pada Rabu lepas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

E.coli pada kerang terdampar di Pantai Sura melebihi piawaian

Kuala Terengganu: Hasil analisis terhadap sampel kerang yang terdampar di Pantai Sura di Dungun menunjukkan tahap bakteria Fecal coliform dan *Escherichia coli* (*E. coli*) melebihi piawaian yang ditetapkan.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat, berkata berdasarkan analisis Makmal Biosekuriti Perikanan Kuantan, Pahang, sampel kerang yang diambil pada Rabu lepas mengandungi Fecal coliform melebihi 300 MPN/100gram (g) dan *E.coli* melebihi 230 MPN/100g.

"Kesimpulannya, keputusan analisis makmal terhadap kerang hanyut ke daratan pada tahun 2014, 2016, 2019, 2021 dan terkini (2025) menunjukkan tahap bakteria berkenaan dalam sampel kerang melebihi piawaian yang ditetapkan.

"Kerang dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai Kelas B dan C, di bawah piawaian Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP), yang perlu dimasak sempurna sebelum dimakan," katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, Ruzaidi me-

nasihati orang ramai supaya memastikan kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria.

Beliau berkata, pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Selain itu, Ruzaidi juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mempraktikkan langkah kebersihan semasa memproses makanan laut bagi memastikan keselamatan makanan terjamin.

"Langkah berjaga-jaga ini penting untuk memastikan keselamatan makanan terjamin dan melindungi kesihatan pengguna. Jabatan Perikanan Terengganu akan terus menjalankan pemantauan berkala terhadap keselamatan makanan laut dan menyediakan maklumat terkini kepada orang ramai," katanya.

Sebelum ini Ruzaidi turut mengeluarkan kenyataan memaklumkan tiada kehadiran plankton yang menghasilkan biotoksin dikesan dalam sampel air di Pantai Sura, yang diambil pada hari sama. **BERNAMA**

Sah kerang Pantai Sura ada bakteria

- Mengandungi **E. coli, coliform**
- Perlu masak **sempurna sebelum makan**



Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Kerang yang terdampar di Pantai Sura, Dungun pada minggu lalu disahkan mengandungi bakteria *Fecal coliform* dan *Escherichia coli* (*E. coli*) melebihi piawai dibenarkan. Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, kandungan kedua-dua bakteria jenis itu dalam lima sampel kerang diambil masing-masing melebihi 300 MPN bagi setiap 100 gram.

Dua daripada lima sampel tersebut juga dikesan mengandungi bakteria *Vibrio parahaemolyticus*.

“Sehubungan itu, kerang-kerang yang didapati di pantai tersebut diklasifikasikan sebagai Kelas B dan C di bawah piawaian Program Sanitasi Kerangan Kebangsaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ruzaidi berkata, kerang berkenaan perlu dimasak sempurna

sebelum dimakan.

Beliau berkata, sebelum ini, kerang-kerangan yang terdampar di beberapa pesisir pantai Terengganu pada musim tengkujuh terdahulu juga mengandungi bakteria sama.

“Orang ramai dinasihatkan supaya memasak sempurna kerang yang dikutip di pantai tersebut bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria.

“Pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah,” katanya.

Rabu lalu *Kosmo!* melaporkan Pantai Sura sebagai pesta apabila orang ramai mengutip lambakan kerang yang tiba-tiba terdampar di pesisir pantai itu setelah dibawa ombak besar.

IMBAS kembali. Orang ramai rancang mengutip kerang yang terdampar di gili air laut hingga mencetuskan suasana seperti pesta di Pantai Sura, Dungun Selasa lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



Ekosistem lautan terima kesan buruk

Kuala Lumpur: Malaysia berkemungkinan berdepan kerugian besar membabitkan populasi terumbu karang berikutan perairan negara berdepan suhu panas yang berpanjangan sejak dua tahun lalu.

Terumbu karang di negara ini mengalami kelunturan secara besar-besaran disebabkan peningkatan suhu permukaan laut susulan fenomena El Nino yang disifatkan terburuk sejak 20 tahun lalu.

Perkara itu disahkan Pakar Oseanografi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir yang berkata, faktor utama berlakunya kelunturan karang adalah peningkatan suhu.

Menurutnya, kelunturan besar-besaran ini membabitkan pelbagai spesies karang disebabkan kenaikan suhu air laut yang melebihi paras purata normal suhu tahunan dan dalam tempoh berpanjangan.

Katanya, kelunturan ialah tindak balas semula jadi karang terhadap suhu air laut hingga menyebabkan batu karang menjadi putih.

Bellau yang juga Pro Nalb Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat) UMT berkata, kajian dijalankan pihaknya di hampir keseluruhan pulau di Terengganu dan Pahang mendapati 70 peratus terumbu karang mengalami kelunturan.

Mohd Fadzil berkata, kajian mendapati ia disebabkan peningkatan suhu air laut berlaku tanpa henti sejak pertengahan 2023 sehingga Julai lalu dan fenomena sama dikesan berlaku di negara jiran seperti Indonesia dan Thailand berdasarkan laporan penyelidik mereka.

Tinjauan dijalankan dari Mac sehingga Jun 2024 menunjukkan suhu lautan meningkat lebih tinggi daripada normal.

"Apabila suhu melangkaui paras normal, ia menyebabkan karang luntur dan jika peningkatan suhu berlaku dalam tempoh masa panjang, maka ia boleh menyebabkan kematian kepada terumbu karang.

"Proses ini membimbangkan terutama ketika berlaku El Nino di Malaysia baru-baru ini yang memberi kesan berterusan.

"Namun, kita tidak pasti

sama ada terumbu karang terbahit sudah boleh pulih atau tidak walaupun terumbu karang yang luntur mempunyai potensi pulih sekiranya suhu lautan menurun.

"Jika penurunan berlaku tepat pada masanya, mungkin sebahagian terumbu karang selamat," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Fadzil berkata, kelunturan karang atau mati memberi implikasi kepada pelbagai industri terutama perikanan dan pelancongan.

Katanya, kesan utama adalah ekosistem lautan di kawasan terumbu karang yang menjadi tempat pembiakan ikan kerana apabila terjejas, ia menyebabkan ikan berkurangan sekali gus memberi impak kepada sektor perikanan.

"Terumbu karang penting sebagai penghadang atau penyejatan kawasan pantai kerana menghasilkan kawasan sedikit tinggi daripada paras normal menyebabkan ombak atau gelombang datang ke kawasan pantai akan menurun.

"Antara lain kesan kepada sektor pelancongan yang menjadi sumber ekonomi terbesar negara dan memberi sumber pekerjaan kepada sebahagian besar pekerja dalam negara.

"Tambah pula, kawasan pantai dan pulau di negara kita menjadi tarikan kepada pelancong. Jika terumbu karang mati, maka pelancong terutama penyelam tidak akan berminat untuk menjalankan aktiviti mereka di sini," katanya.

Justeru, beliau berharap perubahan monsun dengan cuaca hujan dan mendung ketika ini akan membuatkan suhu permukaan laut menurun dan memulihkan semula batu karang yang luntur.

Menurutnya, apa yang dibimbangi adalah peralihan monsun berlaku dalam tempoh singkat menyebabkan karang tidak sempat pulih seterusnya mati.

"Apa kita lihat sekarang cuaca mendung agak lama tapi hujan tidak sebanyak dijangka namun masih beri penurunan suhu laut. Jadi bergantung kepada suhu dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, kebiasaannya berterusan sebelum

kemarau pada April dan Mei," katanya.



BATU karang yang luntur beri impak terhadap ekosistem marin.

Oleh Amir Abd Hamid, Raja Noraina Raja Rahim dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Dunia kini berdepan fenomena pelunturan terumbu karang kedua terbesar dalam tempoh sedekad di mana Malaysia turut tidak terkecuali.

Sistem terumbu karang semakin terancam dek suhu lautan yang panas luar biasa selama beberapa bulan tahun lalu malah lebih 50 peratus terumbu karang terutama di Taman Laut Negara mengalami kelunturan.

Ia bukan hanya memberi impak kepada ekosistem marin malah juga mata pencarian penduduk setempat, keselamatan makanan dan ekonomi tempatan.

Ketua Cawangan Konservasi Ekosistem dan Biodiversiti, Jabatan Perikanan Malaysia, Azlan Md Nor berkata, terumbu karang di negara ini mengalami kelunturan secara besar-besaran disebabkan peningkatan suhu di permukaan di laut.

Menurutnya, tinjauan yang dijalankan dari April hingga Jun tahun lalu menunjukkan lebih 50 peratus terumbu karang terutama di Kepulauan Taman Laut seperti Pulau Payar (Kedah), Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tenggol (Terengganu), Pulau Tioman (Pahang) dan Pulau Pemanggil (Johor) terjejas.

"Kelunturan karang ini akan memberi ancaman besar kepada kesihatan terumbu karang dengan implikasi serius terhadap biodiversiti marin, perikanan terumbu karang dan pelancongan di Malaysia.

"Kebanyakan terumbu yang ter-

jejas berada di perairan cetek kurang dari 10 meter dan semua tapak ini sedang dipantau rapi oleh Jabatan Perikanan dan pelbagai pihak untuk mengesan perubahan dalam situasi kelunturan," katanya ketika ditemui Harian Metro, baru-baru ini.

Azlan berkata, pembangunan persisiran pantai tanpa kawalan sehingga menyebabkan 50 peratus hutan bakau, rumput laut dan tanah lembap dunia yang bersempadan dengan terumbu karang telah hilang selain pembangunan pantai juga menyebabkan kelunturan berlaku.

"Eksplotasi sumber perikanan dan peralatan destruktif juga boleh menjejaskan 55 peratus terumbu karang dunia terutama di negara membangun.

"Kejadian kelunturan karang boleh berlaku apabila suhu air laut meningkat menyebabkan ia lemah dan mudah terdedah kepada penyakit karang, memperlahankan pertumbuhan dan jika berlarutan akan mati," katanya.

Bellau berkata, Jabatan Perikanan turut bekerjasama penyelidik

"Jika kelunturan melebihi 80 peratus, tindakan intervensi lanjut akan dilakukan termasuk pengurusan sekatan akses sementara untuk melindungi terumbu yang terjejas"

Ketua Cawangan Konservasi Ekosistem dan Biodiversiti, Jabatan Perikanan Malaysia, Azlan Md Nor



JUMLAH pelancong di pulau taman laut perlu dikawal dengan teliti.

25 FAMILI TERUMBU KARANG MALAYSIA

- Acroporidae
- Agariciidae
- Astrocoeniidae
- Caryophyllidae
- Coscinoraeidae
- Dendrophylliidae
- Diploastraeidae
- Euphyllidae
- Flobellidae
- Fungiidae
- Helioporidae
- Leptastreaeidae
- Lobophyllidae
- Merulinidae
- Milleporidae
- Oulastreaeidae
- Plerogyridae
- Plesiastreaeidae



KEPENTINGAN TERUMBU KARANG

- 1. Biodiversiti Hotspot**
Perumah kepada 25% hidupan marin
- 2. Sekuriti Makanan**
AS\$6.8 bilion tahunan untuk industri perikanan
- 3. Eko Pelancongan**
AS\$3.6 bilion tahunan untuk industri pelancongan dunia
- 4. Perlindungan Pantai**
Mengurangkan 97% tenaga ombak di persisiran pantai
- 5. Sara Hidup Penduduk Pesisiran Pantai**
Melalui aktiviti perikanan, pelancongan dan rekreasi
- 6. Penyelidikan**
Bidang biologi iklim, ke lain-lain
- 7. Perubatan**
Sumber yang di perbaiki untuk n
- 8. Nilai Budaya**
Kepentingan rohani i menyek kepada amalan



Tinjauan yang dijalankan dari April hingga Jun menunjukkan lebih 50 peratus terumbu karang terutama di lokasi berikut:



Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

PERALIHAN monsun diwaras dapat memulihkan semula batu karang yang luntur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	25

KARANG DI

Pocilloporidae
Poritidae
Psammocoridae
Rhizangiidae
Scleractinia
Incertae Sedis
Stylasteridae
Tubiporidae

KARANG

ikan pengetahuan marin, perubahan sihatan laut dan

an dan autikal sebatian baru junakan dalam likan perubahan rawat penyakit

daya dan Rohani ngan budaya dan ang penting, iakan hubung kait cara hidup serta tradisional

ga Jun tahun lalu ul karang terjejas, ut:

- Pulau Perhentian
- Pulau Redang
- Pulau Tioman
- Pulau Panggolg

MEGAGRAH Metro

TERUMBU KARANG LUNTUR
AKIBAT PEMANASAN LAUT

BILA 'PUTIH' SEMUANYA TERANCAM



IMEI Janaan AL

tempatan serta badan bukan kerajaan untuk menubuhkan Malaysia Coral Bleaching Response Committee (MCBRC) bagi mengumpul maklumat dan mengambil tindakan terhadap kelunturan karang.

"Jika kelunturan melebihi 80 peratus, tindakan intervensi lanjut akan dilakukan termasuk pengurusan sekatan akses sementara untuk melindungi terumbu terjejas.


"Kelunturan karang disebabkan tindak balas semula jadi karang terhadap tekanan alam sekitar di mana apabila tertekan, batu karang mengeluarkan alga mikroskopik yang dikenali sebagai zooxanthellae.

"Ia hidup dalam tisu mereka dan memberi karang sebahagian besar makanan dan berwarna cerah," katanya.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan batu karang menjadi putih dan memberikan mereka rupa yang 'luntur'.

"Di Malaysia, peristiwa kelunturan ketara berlaku pada 1998, 2004, 2010 dan 2014 hingga 2016. Berdasarkan suhu air laut global, kelunturan karang dijangka menjadi lebih kerap pada tahun mendatang.

"Sehubungan itu, Jabatan Perikanan menyeru semua pihak membantu mengurangkan kesan kelunturan karang termasuk pengusaha pelancongan di pulau taman laut untuk mengawal jumlah pelancong terbahit dalam kegiatan rekreasi air bagi mengurangkan tekanan ke atas terumbu," katanya.



INTERVENSI dilakukan untuk melindungi terumbu karang.



PROSES pemulihan batu karang mengambil masa dari beberapa minggu hingga beberapa bulan.

Azlan berkata, pelancong harus mengelak berada di kawasan sesak, elak sentuhan fizikal dengan batu karang semasa aktiviti air, kurangkan penggunaan plastik sekali pakai, membuang sisa sampah dengan betul serta melaporkan penemuan kelunturan karang kepada Jabatan Perikanan atau pihak berkuasa berkaitan.

"Diharap suhu laut kembali normal membolehkan terumbu karang pulih. Proses pemulihan karang yang mengalami kelunturan boleh mengambil masa dari beberapa minggu hingga beberapa bulan. Oleh itu, pemantauan akan dijalankan berterusan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Fish supply adequate to meet Chinese New Year demand

PARIT BUNTAR: Fish supplies are more than adequate to meet the needs of consumers in the country for the Chinese New Year festivities, said Fisheries Development Authority chairman Muhammad Faiz Fadzil.

He said the Area Fishermen's Association currently has a stock of 1,600 tonnes of frozen fish.

"This (frozen fish supply) does not include imported fish and fish caught by local fishermen.

"We have made thorough preparations for the festive season. God willing, with sufficient fish supplies, the price (of fish in the market) will be stabilised," he said after the *Madani Anak Nelayan* Back-to-School programme, organised by the authority and Petronas.

The programme was also attended by Perak Fisheries Development Authority director Eries Azwan Deraman at the Tanjung Piandang district and land office hall on Saturday.

A total of 130 children of fishermen received clothing, shoes and other items such as school bags and water bottles worth RM150, along with a cash assistance of RM50 each.

Muhammad Faiz also said that the authority would be increasing the diesel subsidy allocation by one million litres for fishermen in Perak starting next month.

"We are increasing the diesel subsidy quota in Perak because the state has many vessels.

"This is due to our reliance on fish catches by class B and C vessels using diesel, so we are providing support to the fishermen in Perak to increase the number of fish landings."

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, during the Budget 2025 presentation, had announced that the government would allocate RM2.78 billion in subsidies, aid and incentives for *padi* farmers and fishermen in 2025, an increase from RM2.6 billion last year. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
20/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Hakisan: LKIM bantu baik pulih kerosakan rumah nelayan



MUHAMMAD FAIZ FADZIL

KUALA NERUS: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membantu nelayan membaik pulih kerosakan rumah mereka yang terjejas akibat hakisan berikutan Monsun Timur Laut (MTL) yang melanda Pantai Timur ketika ini.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, bantuan disalurkan melalui peruntukan khas RM10 juta disediakan

kan kerajaan untuk membantu golongan nelayan menduduki rumah yang lebih selesa.

“Kita lihat jenis kerosakan yang berlaku di rumah nelayan terjejas dan mempunyai dua cara sama ada baik pulih atau bina rumah baharu.

“Buat masa ini, kita tiada data terperinci jumlah rumah nelayan yang terjejas kerana masih dalam proses laporan.

“Peruntukan ini adalah untuk membantu semua nelayan di seluruh negara, tidak kira apa juga bencana yang dialami termasuk rumah yang rosak akibat hakisan juga adalah layak melalui proses penilaian,” katanya selepas menyampaikan sumbangan Kembali Ke Sekolah 2025 kepada 100 anak nelayan dari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Terengganu Utara

di sini, semalam. Beliau berkata, pada tahun ini, seramai 500 anak nelayan mendapat manfaat itu hasil program yang dijalankan di lima PNK dari setiap zon di seluruh negara.

“Semalam, kita dah sampai kan untuk zon utara iaitu PNK Kerian di Perak, hari ini di Kuala Nerus dan selepas ini ke Johor, Sabah dan Sarawak,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	23



Bekalan ikan cukup

PENIAGA dilihat sibuk melayan pelanggan yang datang di Pasar Besar Seremban, semalam. Bekalan ikan menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina adalah mencukupi bagi menampung keperluan pengguna di negara ini. Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, Persatuan Nelayan Kawasan ketika ini mempunyai bekalan stok ikan sejuk beku sebanyak 1,600 metrik tan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14



PENDUDUK membuat bantahan aman di hadapan premis itu di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat, Kuala Langat, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

'Tiga tahun makan, minum, tidur dengan lalat'

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LANGAT: Makan, minum dan tidur dengan lalat.

Itu kesengsaraan yang dihadapi lebih 500 penduduk Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat di sini, apabila mereka terpaksa hidup dengan ribuan lalat setiap hari sejak tiga tahun lalu.

Masalah didakwa berpunca daripada sebuah premis ternakan ayam berdekatan kawasan itu dan keadaan terbabit bukan sahaja menjejaskan kehidupan seharian malah merisikokan kesihatan mereka.

Penduduk, Nasarudin Ngodio, 45, berkata kediamannya paling teruk terjejas kerana terletak kurang 200 meter dari

premis itu.

Dakwa bapa kepada empat anak itu, gangguan lalat semakin teruk sehingga dia terpaksa membeli ratusan pelekat perangkap lalat setiap bulan dan memasang kelambu untuk tidur.

"Ribuan lalat menghurungi satu rumah setiap hari tanpa mengira masa, siang atau malam, terutamanya ketika memasak.

"Selain tidak selesa, ramai penduduk termasuk anak saya mengalami cirit birit akibat keracunan makanan," katanya ketika ditemui selepas membuat bantahan aman bersama 100 penduduk semalam.

Katanya, dia berharap pihak berwajib mengambil tindakan tegas bagi menangani isu itu.

Bagi peniaga makanan, Suzila Sarengat, 51, dia mengalami kerugian ketara kerana kedainya semakin kurang dikunjungi pelanggan.

"Pengunjung tidak jadi makan di kedai saya apabila melihat lalat di merata tempat. Walaupun saya sudah pasang perangkap lalat, namun itu tidak mengubah keadaan," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) kampung berkenaan, Saluah Mundagir berkata, serangan lalat makin menjadi-jadi berikutan tambahan jumlah reban di premis tersebut.

"Masalah lalat itu tidak berkurangan. Oleh hal yang demikian, kami mahu tindakan diambil segera," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	SINAR HARIAN	KUALA LANGAT	26

Masalah berpunca dari pengurusan ladang ayam tidak sistematik

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LANGAT

Lima tahun kampung diserang jutaan lalat

Sudah hampir lima tahun penduduk di Kampung Ladang Batu di sini menahan derita kerana diserang jutaan lalat tidak kira masa siang atau malam pada setiap hari.

Ia dikatakan berpunca daripada pengurusan beberapa ladang ternakan ayam berhampiran kampung berkenaan yang menggunakan kaedah lama dan baharu sama ada secara terbuka atau tertutup.

Seorang penduduk, Emilian Miskun, 52, berkata, penduduk tertekan disebabkan masalah itu seolah-olah tiada jalan penyelesaian sedangkan sudah banyak aduan dibuat kepada pihak berwajib.

"Penduduk sudah tidak sanggup hadapi situasi ini lagi, kita makan, tidur sudah tidak lagi tenang dan harapan penduduk apabila pihak berwajib sudah datang ke sini, tindakan diambil."

"Tolonglah buat sesuatu sebab kami sudah tidak berdaya, seolah-olah berpesta dengan lalat kerana terlalu banyak dan ada di mana-mana," ujarnya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Seorang lagi penduduk, Nasarudin Ngadio, 45, berkata, penduduk bimbang jumlah lalat yang terlalu banyak mengundang risiko kepada kesihatan penduduk terutamanya golongan kanak-kanak dan bayi.

Menurut Nasarudin, penduduk buntu menghadapi masalah itu dan berharap semua pihak khususnya pihak berkuasa tempatan dapat segera membantu menyelesaikan masalah dialami penduduk.

"Wakil rakyat, Ahli Majlis sudah datang membantu tetapi kesannya belum nampak lagi jadi kita harap badan berwajib dapat menangani masalah lalat berpunca dari reban ayam ini dengan segera," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Kampung Ladang Batu, Saluah Mundagir, 44, berkata, perkara itu sudah dibawa kepada



Penduduk Kampung Ladang Batu, Kuala Langat membuat bantahan di balai raya kampung berkenaan pada Ahad.



EMILIAH



NASARUDIN



SALUAH

pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk tindakan lanjut malah telah menjalankan pemeriksaan di ladang ayam terbabit.

"Kita tidak menghalang penternak mengeluarkan ayam, tetapi kita berharap pemilik ladang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pengurusan ladang ayam dengan cara betul."

"Harap pihak berkuasa dapat meng-

ambil tindakan terhadap ladang ayam bermasalah sekali gus dapat menyelesaikan isu lalat membelenggu penduduk di Kampung Ladang Batu," ujarnya.

Tambahnya, terdapat sebanyak 10 ladang ternakan ayam di kampung berkenaan manakala seramai 435 penduduk tinggal di kawasan itu berisiko terdedah kepada pelbagai penyakit sejak hampir lima tahun lalu.



Perangkap pelekak yang diletakkan di dapur penduduk dipenuhi lalat.

Kampung Ladang Batu diserang lalat

Situasi sejak 3 tahun lalu dipercayai berpunca dari ladang ayam

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

yang banyak.

Penduduk, mendedahkan, keadaan tidak selesa dan merimaskan itu berlanjutan sejak tiga tahun lalu dipercayai berpunca dari sebuah premis penternakan ayam berhampiran kediaman mereka.

Tinjauan mendapati, lalat menghinggap dan mengotorkan pakaian sekolah, telekung, peralatan rumah yang terpaksa diberikan sepanjang masa.

Itulah antara situasi yang dialami oleh 104 keluarga dengan kira-kira 500 isi rumah di kampung berkenaan.

Pelbagai usaha dilakukan

Seorang penduduk yang tinggal kira-kira 200 meter dari premis penternakan itu, Nasarudin Ngadiao, 45, ketika ditemui berkata, pelbagai usaha dilakukan termasuk membeli pelekak perangkap lalat dengan jumlah banyak, membeli kelambu, selain turut menghubungi pihak berwajib.

"Sepanjang masa, pagi, tengah

hari, petang dan malam... kami terpaksa berdepan dengan lalat, lebih-lebih lagi apabila hasil ayam dibawa keluar dari premis, ketika itu lalat bertambah banyak di rumah kami.

"Antara usaha kami adalah membeli pelekak perangkap lalat dengan kos RM10 setiap hari ini. Malah, setiap hari kami perlu 10 hingga 15 keping bersaiz kertas A4.

"Untuk jimatkan kos pula, kami juga guna alternatif lain dengan menggunakan botol plastik yang dipotong dan disapukan sos tomato sebagai perangkap, hasilnya banyak lalat dapat diperangkap," katanya.

Tambah membimbangkan katanya, anaknya kurang sihat selepas kemalangan yang mana lukanya menjadi bertambah teruk jika tidak dilindungi dan digunakan kelambu malah setiap dua tiga bulan ada ahli keluarga tidak sihat.

"Ada juga ahli keluarga tidak



Suzila terpaksa menggunakan pelekak perangkap lalat di premis perniagaannya.

sihat, cirit-birit, apabila mendapatkan rawatan, doktor sahkan keracunan makanan. Kami syak, lalat salah satu penyebab walaupun tidak dapat dibuktikan.

"Jadi, kami amat berharap pihak berwajib, semua pihak dan jabatan yang sepatutnya tolonglah bantu kami dan selesaikan masalah ini.

"Kalau reban ayam di premis penternakan itu mengikut prosedur operasi standard (SOP), pastinya tidak timbul isu seteruk ini," katanya.

Penduduk yang berniaga minuman, buah potong dan makanan, Suzila Sarengat, 51, berkata, perniagaannya agak terjejas ke-

rana pelanggan melihat gerainya dipenuhi lalat pada balang air serta buah.

"Sejak tahun lalu, setiap kali saya buat air, masak air gula, potong buah, lalat datang dalam jumlah yang banyak menghurung makanan dan peralatan.

"Setiap kali bungkus minuman atau makanan kepada pelanggan saya minta maaf terlebih dahulu sebab saya risau lalat masuk tanpa saya sedari atau terlepas pandang.

"Ada berhenti membeli tetapi melihat banyak lalat, terus tidak jadi. Ramai yang berhenti penduduk luar kawasan... jadi mereka memang tidak tahu situasi ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

PENTERNAK AYAM UNTUNG, PENDUDUK KAMPUNG SENGSA

HARI-HARI 'MAKAN' LALAT!



Sudah tiga tahun penduduk di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat, Kuala Langat menderita akibat serangan lalat yang berpunca daripada penternakan ayam. Lalat yang terlalu banyak bukan sahaja masuk dalam mulut ketika makan, tetapi juga memasuki rongga hidung dan telinga. **lapor Ruwaida Md Zain**

MSG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

PENDUDUK KAMPUNG LADANG BATU BUAT BANTAHAN

Dah tak tahan gangguan lalat!



SALUAH Mundagir (tengah) bersama penduduk Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat, Kuala Langat mengadakan bantahan terhadap premis penternakan ayam yang mengundang gangguan lalat.
Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Kuala Langat

Kehidupan seharian penduduk di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat di sini, terganggu berikutan mereka dihurungi lalat ketika melakukan aktiviti harian termasuk tidur dan solat.

Malah, ketika mandi dan membersihkan diri dengan sabun, badan mereka turut diinggap lalat dengan jumlah yang banyak.

Mereka mendakwa keadaan tidak selesa dan merimaskan itu berlarutan sejak tiga tahun lalu dipercayai berpunca dari sebuah premis penternakan ayam berhampiran kediaman penduduk.

Seorang penduduk yang tinggal kira-kira 200 meter dari premis penternakan itu, Nasarudin Ngadio, 45, berkata, pelbagai usaha dilakukan termasuk membeli pelekat perangkap lalat dengan jumlah yang banyak, memasang kelambu selain menghubungi pihak berwajib.

"Sepanjang masa, pagi, tengah hari, petang dan malam, kami terpaksa berdepan dengan lalat, lebih-lebih lagi apabila hasil ayam dibawa keluar dari premis itu. Ketika itu lalat bertambah banyak di rumah kami. Lalat masuk ke dalam mulut ketika makan selain memasuki telinga

dan hidung. Antara usaha kami adalah membeli pelekat perangkap lalat dengan kos RM10 setiap hari dan setiap hari kami perlu 10 hingga 15 keping bersaiz kertas A4.

"Untuk jimatkan kos pula, kami guna alternatif lain dengan menggunakan botol plastik yang dipotong dan disapukan sos tomato sebagai perangkap. Hasilnya banyak lalat dapat diperangkap," katanya.

Menurutnya, ada juga ahli keluarga tidak sihat termasuk mengalami cirit-birit dan apabila mendapatkan rawatan, doktor mengesahkan keracunan makanan.

"Kami syak lalat salah satu penyebab walaupun tidak dapat dibuktikan. Jadi, kami amat berharap pihak berwajib dan jabatan yang



PERNIAGAAN terancam akibat gangguan lalat.

sepatutnya, tolonglah bantu kami dan selesaikan masalah ini," katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Perniagaan makanan, Suzila Sarengat, 51, berkata, per-

niagaannya terjejas kerana pelanggan melihat gerainya dipenuhi lalat pada baling air serta buah.

"Sejak tahun lalu, setiap kali saya buat air, masak air gula dan potong buah, lalat datang dalam jumlah yang banyak menghurung makanan dan peralatan.

"Setiap kali bungkus minuman atau makanan kepada pelanggan, saya minta maaf terlebih dahulu sebab saya risau lalat masuk tanpa saya sedari atau terlepas pandang.

"Ada yang berhenti untuk beli makanan tetapi melihat banyak lalat, terus tidak jadi. Tambahan pula ramai yang berhenti itu penduduk luar kawasan, jadi mereka tidak tahu situasi kami hadapi," katanya.

Rakan sekampungnya, Emiliyah Miskun, 48, berkata, mereka terpaksa berdepan situasi sama meskipun ketika berpuasa atau sambutan hari raya.

"Kami segan nak jemput keluarga, saudara mara dan rakan untuk datang beraya, apatah lagi buat ru-

mah terbuka sebab rumah dipenuhi lalat.

"Ketika menyediakan juadah berbuka atau sedang memasak pun, lalat boleh masuk dalam masakan di atas dapur yang sedang dimasak," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung merangkap Ketua Kampung Ladang Batu, Saluah Mundagir berkata, penduduk berha-

rap premis terbahit ditutup bagi mengelak masalah itu berlarutan membelanggu mereka.

'Saya sudah kasi ubat halau lalat'

Kuala Langat: Pemilik premis dikenali sebagai Toh berkata, dia memulakan operasi penternakan ayam kira-kira enam tahun lalu.

"Saya bela ayam untuk dijual kepada peniaga. "Saya tahu (mengenai lalat), apabila ada banyak ayam, baru ada lalat yang banyak dan saya sudah kasi ubat untuk halau lalat," katanya.

Menurutnya, premisnya mempunyai lesen, bagaimanapun belum diperbaharui lagi bagi tahun ini.

Premis penternakan ayamnya dikatakan menjadi punca lalat mengganggu kehidupan harian penduduk di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat di sini, sejak tiga tahun lalu.



PENDUDUK menunjukkan lalat yang menghurungi makanan.